



UMP akan dokumentasi pengalaman pelajar

UM (Timur)
Kh 23/10/08

KUANTAN 22 Okt. - Universiti Malaysia Pahang (UMP) bakal mendokumentasikan semua pengalaman pelajarnya ketika mengadakan program kemasyarakatan di kawasan luar bandar dan pedalaman negeri ini untuk dijadikan rujukan penyelidik.

Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, program kemasyarakatan yang dilaksanakan itu bukan sahaja bertujuan merapatkan hubungan dengan masyarakat tetapi melalui dokumentasi yang akan dilakukan, ia boleh membantu penyelidikan pada masa akan datang.

"Sekiranya hasrat mendokumentasikan pengalaman ini berjaya dilaksanakan, ia sekali gus membantu penyelidik luar yang ingin melakukan kajian terperinci di kawasan-kawasan tertentu," katanya kepada pemberita selepas Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMP di sini hari ini.

Pada majlis itu, pelajar jurusan Kejuruteraan Mekanikal, Mohamad Suffi Kamari, 20, dilantik sebagai Yang Dipertua MPP UMP yang baru bagi menggantikan Salman Razeni.

Turut dilantik menganggotai kepimpinan MPP UMP sesi 2008/2009 ialah 14 mahasiswa lain.

Daing Nasir berkata, sebagai langkah pertama, pihaknya akan mendokumentasi pengalaman ketika program lawatan ke kawasan penempatan masyarakat Orang Asli suku Semai di Kampung Boh, Cameron Highlands baru-baru ini.

Jelas beliau, pihaknya juga bersedia memberikan peruntukan bagi tujuan dokumentasi kepada mana-mana warga UMP yang berhasrat menyumbang kepada projek tersebut.